

'Kejutan' PM umum diskaun RM20,000 harga rumah untuk pekerja Sime Darby Plantation
Utusan Online
09 Mac, 2013

KUALA LANGAT 8 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengejutkan para pekerja ladang di Pulau Carey yang bakal membeli rumah di bawah Skim Perumahan Sime Darby Plantation apabila mengumumkan diskaun sebanyak RM20,000.

Pengumuman Perdana Menteri itu menjadikan harga rumah teres mampu milik di bawah skim tersebut yang ditawarkan kepada pekerja syarikat perladangan berkenaan turun kepada RM100,000 seunit.

Najib ketika berucap di hadapan lebih 2,000 pekerja ladang Sime Darby Plantation di sini menegaskan, skim perumahan tersebut yang akhirnya berjaya direalisasikan menepati slogan kerajaan 'Janji Ditepati'.

"Masih jelas dalam ingatan saya kira-kira pertengahan tahun sudah, saya melawat Pulau Carey di mana semasa lawatan tersebut sekumpulan masyarakat tempatan yang menemui saya bertanya khabar tentang projek perumahan yang sudah lama dinanti-nantikan mereka.

"Selepas itu, apabila kembali ke pejabat, saya berjumpa dengan Datuk Mohd. Bakke Salleh (Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad). Saya menyatakan kepada beliau bahawa projek perumahan di kawasan (Pulau Carey) amat perlu dilaksanakan kerana pekerja-pekerja Sime Darby Plantation adalah pekerja yang telah mencurahkan khidmat bakti sejak sekian lama kepada syarikat ini.

"Dan ketika Tan Sri Samsuddin Osman (Pengerusi Sime Darby) sebentar tadi umumkan harga RM120,000 seunit, saya bisikkan kepada Tan Sri apalah kiranya beri pengurangan pada harga tersebut dan dengan sukacita saya isytiharkan Sime Darby bersetuju kurangkan harga rumah dari RM120,000 kepada RM100,000 seunit bagi rumah biasa iaitu keluasan 800 kaki persegi," katanya sambil disambut tepukan gemuruh hadirin.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Skim Perumahan Sime Darby Plantation untuk pekerja ladang di Pulau Carey di sini membabitkan 400 unit rumah mampu milik masing-masing berkeluasan 800 kaki persegi dan mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Yang hadir sama dalam majlis itu ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri G. Palanivel dan Samsudin.

Terdahulu, Najib menegaskan golongan pekerja merupakan aset yang bernilai kepada sesebuah syarikat yang mana perhatian kepada golongan itu tidak wajar hanya dengan ungkapan semata-mata.

Sebaliknya, perhatian kepada golongan pekerja haruslah diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

"Sesuai dengan modul pembangunan dan falsafah kita, kita akan pastikan kadar pertumbuhan negara berkembang ke tahap yang setinggi mungkin. Selain itu, kita akan melaksanakan langkah-langkah intervensi supaya jaringan sosial dan agihan kekayaan kita menjurus ke tahap yang lebih adil dan saksama.

Pulau Carey merupakan penempatan yang didiami lebih 1,200 pekerja ladang atau 3.2 peratus daripada jumlah tenaga kerja perladangan Sime Darby Plantation di negara ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130309/dn_09/Kejutan-PM-umum-diskaun-RM20000-harga-rumah-untuk-pekerja-Sime-Darby-Plantation'](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130309/dn_09/Kejutan-PM-umum-diskaun-RM20000-harga-rumah-untuk-pekerja-Sime-Darby-Plantation)